

# PUM tidak minat cetus perbalahan

UM 11 FEB 2002

KUALA LUMPUR 10 Feb. — Persatuan Ulama Malaysia (PUM) hari ini menjelaskan bahawa mereka tidak pernah bermusuhan dengan mana-mana pihak atau mencetuskan sebarang isu yang boleh menimbulkan perbalahan dengan pihak kerajaan.

Yang Dipertua PUM, Abdul Ghani Shamsuddin berkata, pihaknya juga tidak berminat untuk mewujudkan suasana tidak harmoni dengan mana-mana kumpulan apatah lagi mencipta konflik yang tidak sihat dengan kepimpinan kerajaan sendiri.

“Kami tiada apa-apa kepentingan dengan pihak tertentu termasuk pembangkang.

“Malah kami tidak begitu berminat

dengan hal-hal politik semasa kerana bimbang pula nanti dikatakan sebagai berat sebelah dan tidak berlaku adil,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada *Utusan* sebagai mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mendedahkan cubaan Pas menimbulkan perbalahan antara ulama dengan kepimpinan kerajaan dan UMNO.

Abdullah semalam berkata, kecaman Pas terhadap ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Forum Ekonomi Dunia (WEF) baru-baru ini adalah sebagai tidak benar kerana Perdana Menteri sendiri ti-

dak pernah memusuhi golongan ulama.

Ucapan Perdana Menteri bertajuk ‘Peranan Islam Dalam Negara Modern’ mendedahkan mengenai masalah besar yang dihadapi oleh kerajaan-kerajaan Islam kerana penyelewengan agama oleh ulama politik dan kemunculan kumpulan yang menentang pembangunan.

Menurut Dr. Mahathir, ulama politik sanggup menyelewengkan agama bagi memperoleh kuasa manakala kumpulan yang menentang pembangunan pula cenderung mengisytiharkan jihad secara kekerasan terhadap kerajaan Islam yang memerintah.